

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI
BAGI PIHAK PENDERMA
DI MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BUNGKUSAN
HARI RAYA KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
DI DEWAN MINDEF, KUALA LUMPUR
PADA HARI JUMAAT, 22 DISEMBER 2000
JAM 10.00 PAGI**

Syukur Alhamdulillah, mukadimah saya
Kepada Allah yang maha berkuasa
Kita di sini atas kurniaanNYA sahaja
Semoga Allah memberkati perhimpunan kita;

Bagi pihak Penderma dan BAKTI
Terima kasih saya sembahkan
Tahun lepas kami berikrar dan berjanji
Tahun ini kami ingin kotakan;

Dari bandar dan dari pekan
Kami datang untuk menyampaikan
Seberapa boleh bagai kenangan
Sumbangan, penuh dengan keikhlasan;

Kami sedar kau tak 'kan berada
Di samping isteri dan keluarga
Menghibur hati yang sedih duka
Terimalah bungkusan Hari Raya;

Berbagai makanan kami beri
Pakaian pun sama-sama di isi
Kacang gorenglah, ayam KFC
Semua ada 'tuk menghibur hati;

Kerana mu, wahai Wira Negara
Kerana mu, kami rela memberi
Kerana mu, selamat Negara
Aman tenteram sentiasa di sanjung;

Kerana jasa mu uk pertiwi
 Sentiasa di kenang dan di puji
 Kalau tak sabit engkau rela pergi
 Siapa lagi berhati berani;

Kerana mu, ku selalu berdoa
 Kau di lindungi dari merbahaya
 Selamat bertugas dengan taat setia
 Demi agama, bangsa dan negara;

Pahlawan ku!

Now for the more serious part and food for thought!

Menjadi suatu kebiasaan sesuatu negara memilih sebahagian rakyatnya menjadi anggota pasukan untuk mempertahankan negara itu. Ada yang memaksa rakyatnya berbuat demikian. Mereka dilatih menggunakan apa jua senjata untuk melawan dan membunuh musuh mereka. Mungkin ada negara yang tiada angkatan tentera, saya tidak pasti, tetapi kalau ada pun, mungkin ditugaskan di sepanjang sempadan negara supaya tidak di cerobohi oleh orang asing.

2. Kita di Malaysia mempunyai angkatan tentera yang cekap, cergas dan profesional. Mereka telah melalui berbagai-bagai cabaran dan mendapat pengalaman 'first hand' daripada Peperangan Dunia Ke-2, daripada ancaman dan keganasan komunis dan daripada percubaan pergolakan daripada pihak tertentu baru-baru ini. Ramai anggota ATM terkorban dan mungkin ramai lagi akan terkorban, sekiranya amalan berperang, berkonflik dan keganasan suka diamalkan oleh pihak-pihak yang tertentu.

3. Syukur Alhamdulillah, Angkatan Tentera kita berjaya dengan cemerlang mematah dan mengatasi segala cabaran yang berlaku. Bersyukur kita kerana selama 43 tahun ini kita berada dalam keadaan aman tenteram dan kedaulatan kita dapat di pertahankan. Kerana keadaan inilah semua rakyat hidup bahagia, selamat dan sejahtera

dengan negara membangun dengan pesat dan berjaya. Hasil daripada inilah kita dapat berkumpul dalam majlis yang mulia ini. Di sini, saya nak masuk bakul dan angkat sendiri! Korporat-korporat, usahawan-usahawan, firma-firma berjaya dan menjadi mewah dan kaya. Kerana itulah mereka di sini sebagai penderma yang prihatin dan penyayang dan tahu membalas jasa dan berbudi. BAKTI pun seronok apabila mereka kaya raya kerana mereka pun akan kenangkan khidmat kebajikan BAKTI dan menghulur derma kepada BAKTI dan BAKTI pula salurkan kepada golongan-golongan yang tertentu seperti Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia setiap tahun. Inilah akan berlaku manakala sebuah negara mengecapi keamanan, tenteram, harmoni dan sejahtera. This the ultimate reward of peace.

4. Malangnya, bukan semua negara seperti kita dan lebih malang lagi, ada rakyat yang tidak sedar betapa tingginya nilai keamanan. Peace is a commodity so priceless and precious that it is not easy to get. Once we have peace in this country we have to maintain it, sustain it, guard it as precious as your own life. That is why the Armed Forces and the Police Force are so relevant for peace keeping especially after the turbulence of warfare and conflicts. We are mighty proud of our Armed Forces and the Police Force because, being excellent professionals, they are frequently chosen to assist in the Peace-keeping Forces overseas. Syabas dan tahniah to all of them.

5. I have seen the effects of war and conflicts within and outside of the country. As a teenager during the Japanese Occupation, when food was hard to come by, mothers had to organise each meal with care, apportioning for the head of family, children and the aged. Rice was not easy to get. Alternatives like 'ubi kayu', 'ragi', jagung were available. I remember the time when I found my mother crying as she scooped up remnants of rice from the drain near the kitchen sink when she found that someone had thrown the remnants of rice from the 'periuk' into the drain.

6. As a House doctor soon after graduating in 1955, I have seen the outcome of the communist insurgence. How many of our 'askar' were brought to the Casualty

Department, riddled with bullets and gasping their last breath? There were no relatives around except us in the hospital. I remember seeing those multiple wounds on the body of this Pahlawan and as I was trying to wipe and dress them, a colleague said softly, "Hasmah, no point, he is dying." Tidak lain lagi boleh kami lakukan selain daripada membisik yang wajib di telinganya. Itulah ubatnya sahaja.

7. Berjumpa dengan ibu bapa, para isteri dan keluarga mangsa amat menghancurkan hati. Alhamdulillah negara kita mempunyai rakyat yang penyayang dan prihatin, seperti penderma-penderma yang budiman, yang hadir di sini untuk menyumbang kepada Tabung-tabung Pahlawan, Polis dan sebagainya supaya keluarga tidak menderita. Yang pergi tak kan pulang, tetapi yang tinggal tak pe'rlu menderita kesedihan dan kesusahan sepanjang hayat mereka. Life must go on.

8. I have seen the impact of war and conflicts in Bosnia-Herzegovina and Iraq. Peace and normalcy does not come immediately after the two conflicting forces signed the peace agreement on the dotted line. This is evident in Bosnia. I have visited Sarajevo in its glory, in destruction after the war, and last month during its attempt to rehabilitate and reconstruct this once-upon-a-time beautiful City of Sarajevo. At the Guest Palace, I was still afraid to stand in front of the window for fear of snipers shooting in from beyond the hills. That was what happened during the massacre of men, women and children at the Market Place few years back.

9. When we visited the school which was built with the help of funds from Malaysian teachers and children, one little boy sang this song for us with hundreds of his colleagues joining in a resounding chorus. This is the translation:

don't let there be that stupid war
 madness among people
 mad men are offering delusions
 frightening us with prodigies
 and harming every fairy tale
 don't let there be war.

10. It was heart-rending. Their hopes and aspirations destroyed. Most of them are orphans. The children are still in danger. In every school, there would be a corner of a sandpit with various types of landmines being exhibited. Some of them looked like toys which children can easily pick up and cause their death eventually or be maimed. This is post-war Bosnia Herzegovina and in many other countries ravaged by war.

11. In Iraq, one visit to the bombed anti-nuclear shelter in Al Amiriah was enough to tell the story of the senseless war and the consequently comprehensive economic sanctions against Iraq. The victims in the shelter, mainly children and the aged, died of the blast and in hot boiling water from burst water-pipes. In the hospitals, children lie sick and die from what they believed to be the effects of radioactive materials from the frequent bombings that took place and is still happening at the no-fly zone.

12. Saya menceritakan kisah ini dalam majlis mi semata-mata memberi kesedaran kepada kita semua bahawa peperangan, keganasan dan kekacauan tidak bermakna dan merugikan rakyat dan negara, terutama sekali kaum wanita, kanak-kanak, dan orang tua. Kalaulah dalam keadaan aman pun, perpisahan suami seketika, perpisahan isteri selama 3 malam pun, sudah menimbulkan kegelisahan, apatah lagi jika suami tidak kembali langsung dari medan perang.

13. Oleh itu lebih bermakna dan berkesan bagi kita mendoakan supaya negara kita ini sentiasa dalam keadaan aman sentosa supaya ATM dan wira-wira kita bertugas dengan selamat menjaga kedaulatan dan keselamatan kita di sini dan dijauhi Allah apa jua lagi peristiwa yang buruk.

14. Akhir kata, para penderma ingin mendoakan semoga anggota ATM di serata pelusuk Malaysia dan Dunia, di lindungi Allah S.W.T. dan Selamat Berhari Raya.

15. Kepada para isteri dan keluarga yang menunggu kepulangan suami dan ayah yang di kasihi, terimalah gubahan ini, yang akan di iringi dengan flute oleh Korporal Mansor dari OTD. Terima kasih Korporal. Silakan.

kain tenun sutera mu
selendang sutera ku
bagai pembalut luka mu
kain tenun sutera mu
bagai penyembuh rindu ku

hingga kau kembali
ku tunggu dengan sabar
ku mohon pada Ilahi
semoga kau tidak dicabar

pada waktu siang
ku selimutkan anak mu
pada waktu malam
ku selimutkan badan ku

selamatlah kau berjuang
untuk nusa dan bangsa
selagi kau tak pulang
ku peluk kain tenun sutera
